


**PERSPEKTIF PELAJAR – PELAJAR UiTM ( SAUDARA KITA )  
TERHADAP ASAS-ASAS FARDHU AIN**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**MOHAMAD ZAID BIN MOHD ZIN**

**AZHAR BIN ABDUL RAHMAN**

**MUHAMMAD ILYAS BIN MUHD SALLEH**

**MAC 2011**

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
MUKA SURAT TAJUK .....	i
SURAT TAWARAN PENYELIDIKAN .....	ii
SURAT PENYERAHAN LAPORAN .....	iv
DAFTAR AHLI PENYELIDIK .....	v
PENGHARGAAN .....	vi
ISI KANDUNGAN .....	vii
ABSTRAK .....	x
KANDUNGAN LAPORAN .....	
<b>BAB I - PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah	2
1.3. Pengertian Tajuk	4
1.4. Objektif Penyelidikan	5
1.5. Kepentingan Kajian	5
1.6. Skop dan Limitasi Kajian	6
1.7. Kajian Lepas	7
1.8. Metodologi Kajian	9

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap perspektif responden terhadap asas-asas fardhu ain. Kajian melibatkan sejumlah 32 orang saudara kita dan beberapa orang pegawai di Universiti Teknologi Mara. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden berasal dari bumiputera Sabah dan Sarawak yang berbagai kaum. Agama asal kebanyakan mereka ialah kristian dan ada yang tidak mempunyai agama atau dikenali dengan pagan. Purata umur memeluk Islam ialah 18.6 tahun. Sejumlah 76% responden adalah wanita. Kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar – pelajar uitm saudara kita terhadap asas-asas fardhu ain secara keseluruhan adalah memuaskan kerana mereka juga dikalangan orang yang belajar dan terpelajar. Aspek yang perlu diberi lebih perhatian seterusnya ialah kesinambungan pendidikan agama, kemampuan tenaga pengajar, dan beberapa aspek isi kandungan pelajaran. Masalah kehadiran dalam program pembelajaran yang dihadapi ialahkekangan masa dengan tugas dan jadual kuliah yang padat serta kurangnya dorongan dari keluarga atau rakan – rakan terhadap kepentingan mempelajari asas – asas fardhu ain.

## **PERSPEKTIF PELAJAR-PELAJAR UITM ( SAUDARA KITA )**

### **TERHADAP ASAS – ASAS FARDHU AIN**

#### **BAB 1 : PENGENALAN**

##### **1.1. Pengenalan**

Islam adalah suatu agama yang dinamik. Keadaan dinamik ini antara lain dapat dilihat melalui pertambahan umat Islam, bukan sahaja mereka yang lahir daripada keluarga Islam tetapi juga yang baru memeluk Islam atau 'convert' atau juga dikenali sebagai 'saudara kita'. Fenomena bertukar agama daripada agama lain ke agama Islam bukan satu perkara baru. Ia telah bermula di peringkat awal tamadun Islam di dunia Arab.

Menjadi kewajipan umat Islam memastikan saudara sesama Islam itu tidak kembali kepada kepercayaan lamanya disebabkan kecuaian umat Islam itu sendiri. Begitu banyak alternatif lain yang boleh dilakukan dalam membimbing dan membantu mereka seperti menjalankan program kemantapan rohani dan aktiviti – aktiviti yang boleh merapatkan ukhuwah sesama umat Islam. Maka, setiap pihak perlulah mengambil sikap yang lebih prihatin terhadap Saudara Kita ini dalam usaha membantu dan membimbing mereka.

## **PERSPEKTIF PELAJAR – PELAJAR UITM ( SAUDARA KITA )**

### **TERHADAP ASAS – ASAS FARDHU AIN**

#### **BAB 2 : LANDASAN TEORI**

##### **2.1. Pengenalan**

Penggunaan perkataan atau istilah mualaf atau orang yang baru memeluk Islam memang telah disebut dalam al-Quran. Ini bermakna, menjadi mualaf atau gelaran mualaf itu atau pelbagai istilah baru seperti saudara kita, adalah satu kemuliaan kerana mereka ibarat kanak-kanak yang baru lahir, bersih daripada dosa dan noda. Mualaf atau saudara kita bukanlah golongan kelas kedua atau ketiga, tetapi mereka adalah golongan istimewa yang perlu diberikan perhatian. Malangnya, golongan ini selalu dilupakan. Ingatan Allah SWT yang bermaksud:

*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang menguruskannya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. (Surah At-Taubah: 60)*